

Wanita Orang Asli mangsa warga asing ‘hidung belang’

Gua Musang: ‘Gantung tidak bertali’ itulah nasib menimpa lebih 50 wanita Orang Asli yang ditinggalkan suami lelaki warga asing selepas pulang ke negara asal.

Lelaki ‘hidung belang’ warga asing itu bekerja di ladang sayur sekitar Lojing, dekat sini, berkahwin dengan wanita Orang Asli sejak 10 tahun lalu.

Mereka termasuk warga Pakistan, Nepal, Bangladesh dan Indonesia hingga ada antaranya membawa lari wanita Orang Asli dan berkahwin di negara asalnya.

Ketua Penghulu Orang Asli Kelantan, Bidi Ronggeng, berkata masih ramai wanita Orang Asli bakal berdepan masalah sama pada masa terdekat ini.

Katanya, kalangan ibu tunggal kaum itu yang ‘digantung tidak bertali’ juga berdepan bebanan, terutama bagi memelihara anak hasil perkongsian hidup mereka.

Beliau berkata, masalah itu bukan perkara baharu bagi kaum Orang Asli sekitar Lojing dan Pos Brooke, tetapi tidak ada tindakan selepas aduan dibuat.

Beliau terpaksa membuat pen dedahan itu kerana ibu bapa Orang Asli semakin bimbang dengan keselamatan anak gadis mereka diganggu lelaki warga asing.

“Yang menjadi mangsa lelaki hidung belang warga asing ialah anak gadis Orang Asli dan hidup merana selepas suami pulang ke negara asal.

“Perundangan mana yang harus dipertanggungjawabkan dan sampai bila gadis Orang Asli terpaksa berdepan perkara itu,” katanya di sini, semalam.

Penghulu Orang Asli Pos Brooke, Riang Bujang, pula mengakui



‘Yang menjadi mangsa lelaki hidung belang’ warga asing ialah anak gadis Orang Asli dan hidup merana selepas suami pulang ke negara asal.

Bidi Ronggeng,
Ketua Penghulu Orang Asli
Kelantan

gadis Orang Asli selalu menjadi buruan lelaki warga asing yang bekerja di ladang sayur.

Katanya, mereka hanya mahu berkahwin sementara ketika bekerja di kebun sayur berkenaan.

“Apabila mereka pulang ke negara asal, lupa semua tanggungjawab kepada isteri dan anak kerana mereka juga sudah ada isteri di negara asal,” katanya.

Beliau berkata, berdasarkan maklumat diterima ada lebih 100 wanita Orang Asli mendirikan rumah tangga dengan lelaki warga asing.